

PENDIDIKAN ISLAM DI UNIVERSITI MALAYA

1959-1991

Prof. Madya Dr. Abdullah @ Alwi bin Haji Hassan
Fakulti Sastera Dan Sains Sosial
Universiti Malaya

*This article studies the Islamic education in the University of Malaya
including the development of Akademi Islam*

I. Pendahuluan

Pengisytiharan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu, pada 31hb. Ogos, 1957 mengubahkan pemerintahan negara dari penjajahan British kepada pemerintahan sendiri. Ekoran dari itu banyaklah perubahan telah berlaku, terutamanya dalam bidang pendidikan.

Penubuhan Universiti Malaya adalah berasal daripada percantuman Kolej Perubatan King Edward VII di Singapura, yang ditubuhkan dalam tahun 1905 dan Kolej Raffles di Singapura, yang ditubuhkan dalam tahun 1928. Universiti Malaya pada mulanya ditubuhkan di Singapura pada tahun 1949 dengan digabungkan kedua-dua Kolej tersebut, kemudian cawangannya di

Kuala Lumpur ditubuhkan dalam tahun 1957.¹ Pada peringkat permulaan penubuhan cawangan Universiti ini di Kuala Lumpur lagi kepelbagaian matapelajarannya secara meluas telah dirancang. Bidang Islam dirasakan penting ditawarkan di Universiti ini, bila pihak berkuasa memandangkan yang agama Islam adalah agama persekutuan, sebagaimana yang tercatat di dalam Perlembagaan Persekutuan.

II. Jabatan Pengajian Islam

Untuk melaksanakan perancangan pendidikan Islam di Universiti ini sebuah Jabatan Pengajian Islam telah dicadangkan penubuhannya. Orang yang memainkan peranan penting menubuhkan Jabatan ini ialah Dato' (kemudian Tun Abdul Razak bin Husin, Menteri Pendidikan pada masa itu, dan juga Tun Payne, Pengarah Pelajaran.²

Jawatankuasa penubuhan Jabatan ini dipengerusikan oleh Dato' Abdul Razak dan dianggotai oleh Tun Aziz bin Yeop (kedua-duanya dari Kementerian Pelajaran), Prof. A. Openheim, Naib Canselor Univesiti Malaya, dan Prof. M.A. Rauf, sebagai Pengetua Kolej Islam. Antara keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa ini ialah:

1. Jabatan Pengajian Islam dimulakan oleh Kolej Islam, di dalam Sastera Universiti Malaya, melalui satu perhubungan rasmi yang diwujudkan antara Kolej Islam dan Univesiti Malaya.
2. Jabatan ini adalah sebahagian daripada Univesiti Malaya dan diletakkan di bawah autoriti Universiti tersebut, tetapi pentadbiran dan kewangannya diletakkan di bawah Majlis Kolej Islam Malaya.
3. Pengetua Kolej Islam adalah juga Ketua Jabatan tersebut; dan
4. Kerajaan Persekutuan akan menyediakan peruntukan kewangan sepenuhnya kepada Jabatan tersebut.³

Cadangan ini telah diterima oleh Majlis Kolej Islam Malaya dan Majlis Univesiti Malaya. Perlembagaan asal Kolej Islam yang beroperasi

¹The Educational Planning and Research Division, Ministry of Education, *Education in Malaysia 1974* (Kuala Lumpur: DBP, 1975), hal. 11; Catatan Harian 1989 (Kuala Lumpur: Universiti Malaya), hal. 2-3.

²*Ibid.*, hal. 3.

³*Ibid.*, hal. 3.

hingga 8hb. Mac 1958 ditukarkan dengan sebuah Perlembagaan baru dan sebuah Statut Universiti digubal untuk menentukan peraturan perhubungan dengan Kolej Islam, iaitu menjadikan Majlis Kolej satu autoriti Universiti.¹

Mulai sesi 1958-1959, matapelajaran tersebut yang ajar di Kolej Islam diluluskan oleh Senat Universiti sebagai matapelajaran yang boleh ditawarkan untuk ijazah Sarjana Muda Sastera di Universiti Malaya. Mana-mana penuntut Kolej Islam yang berkelayakan, dengan keputusan Senat Universiti, dibenarkan untuk mendaftar sebagai penuntut Universiti Malaya untuk mengikuti kursus ijazah Sarjana Muda Sastera. Mulai sesi ini juga Senat telah membenarkan pengajian Islam sebagai matapelajaran yang ditawarkan untuk ijazah Sarjana Muda Sastera. Sukatan pelajaran pengajian Islam telah siap dirancang dan mana-mana penuntut Universiti dibenarkan mengambil pengajian Islam di Kolej Islam sebagai satu matapelajaran untuk mendapat ijazah Sarjana Muda Sastera mereka.²

Untuk menjaga masa depan Kolej Islam sebagai pusat pengajian tinggi Islam, setelah wujudnya perhubungan baru dengan Universiti Malaya, Majlis Kolej Islam yang lama, di dalam mesyuarat ke sepuluh dan terakhir pada 8hb. Mac 1958, telah membuat beberapa resolusi sebagai pra-syarat sebelum menerima perlembagaan yang baru itu. Antara butir-butir resolusi itu ialah:

1. Hendak dinyatakan bahawa tujuan utama Kolej Islam ditubuhkan akan tetap kekal untuk mengangkat taraf pendidikan atau pelajaran tinggi Islam.
2. Sebahagian besar masa penuntut-penuntut Kolej Islam hendaklah diperuntukkan untuk belajar matapelajaran Islam.
3. Satu jawatankuasa Penyeliaan Khas dilantik untuk memerhati mata-mata pelajaran diajar dan buku-buku teks yang digunakan oleh Kolej, bersesuaian dengan dua resolusi di atas.
4. Sekiranya didapati di dalam masa dua tahun yang mana perlembagaan baru itu tidak bersesuaian dengan prinsip-prinsip tersebut di atas, hendaklah dipertimbangkan semula.³

¹Statut ini adalah sebagaimana dalam M. A. Rauf, *op.cit.*, (Appendix A), hal. 7-9.

²Lihat *The University of Malaya Calendar for 1958*.

³M.A. Rauf, *op.cit.*, hal. 4.

Sebagai susulan kepada rancangan ini satu sukatan pelajaran (*syllabus*) disediakan oleh Prof. Dr. M.A. Rauf untuk Jabatan Pengajian Islam dan diserahkan kepada Fakulti Sastera, yang kemudian menerimanya. Tujuan utama sukatan pelajaran asas kepada Jabatan Pengajian Islam ini ialah:

1. Untuk melahirkan siswazah-siswazah yang dilengkapi dengan pengetahuan Bahasa Arab, melalui pengajian buku-buku teks klasik, terutamanya di dalam Tahun-tahun Kedua dan Ketiga.
2. Untuk melahirkan siswazah yang dilengkapi dengan latar belakang pengetahuan tentang kebudayaan dan tamadun Islam.
3. Untuk mendorong siswazah, dengan kebolehan secara akademik, bebas dan kritikal, menilai apa sahaja yang ia mengkaji tentang Islam, dan dengan satu keyakinan melalui pengkajian secara objektif dan adil demikian, akan menjadikan ia sedar bahawa Islam adalah bersesuaian dengan fikiran dan meminta supaya mengguna fikiran.
4. Memperkenalkan seseorang siswazah dengan buku-buku rujukan atau sumber utama, dan melatihnya mengguna buku-buku itu, bagi melengkapkan mereka untuk meneruskan pengajian keserjanaan mereka selanjutnya.¹

Pada sesi pertama, Jabatan ini menekankan pengajian dengan menggunakan teks-teks Arab dan Sejarah Islam. Teks-teks bahasa Arab ini diambil daripada al-Qur'an dan al-Hadith. Ini dilakukan dengan tujuan memperkayakan skop pengetahuan penuntut dengan isi kandungan daripada teks-teks yang dipetik, yang menyentuh berbagai aspek pengajian Islam, termasuk nilai-nilai dan undang-undang Islam. Penggunaan teks ini juga bertujuan mengajar bahasa Arab kepada penuntut secara tidak langsung. Teks-teks itu disalin dan diberikan kepada setiap pelajar dan kemudiannya dibaca secara perlahan dan mereka pula membacanya balik seberapa banyak yang diperlukan. Teks-teks itu dihafal dan pelajar juga diajar bagaimana mengenali setiap perkataan dan asal-usul

¹Walaupun Jabatan ini ditubuhkan dalam tahun 1957, tetapi pengajian tidak dapat dijalankan pada tahun yang sama kerana memandangkan jarak perjalanan yang jauh antara Singapura, di mana Universiti Malaya berada dan Kelang, di mana Kolej Islam bertempat. Pengajian hanya bermula setelah cawangan Universiti itu di Kuala Lumpur siap, iaitu untuk sesi 1959/60. Bila sesi bermula dalam bulan Mei 1959, seramai dua puluh tujuh orang penuntut diterima, termasuk seorang Cina dan seorang Jerman Kristian. Bilangan penuntut bertambah dalam masa empat tahun kemudiannya, iaitu 92, 112, 132 dan 177. Lihat M.A. Rauf, *op.cit.*, hal. 4.

setiap perkataan itu terbentuk. Sistem pengajaran dibuat untuk mengelak daripada mengajar huruf abjad, penyebutan perkataan dan bagaimana pembentukan setiap perkataan berlaku yang boleh menjemukan.¹

Di dalam pengajian sejarah pula, penuntut-penuntut didedahkan dengan latar belakang kebangkitan Islam dan pengembangan ajarannya dan disertakan dengan senarai bacaan yang diperlukan untuk rujukan.²

III. Akademi Islam

1. Sejarah Penubuhan

Akademi Islam Universiti Malaya telah ditubuhkan sebagai hasil pengambilalihan Yayasan (sebelum 1hb. Julai 1969 dikenali sebagai Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan) (YPTIK), Nilam Puri. Yayasan ini ialah sebuah Pusat Pengajian Tinggi Islam dan Badan Berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Kelantan pada 1 Oktober 1965.³

Perancangan pengambilan Yayasan tersebut untuk dijadikannya sebahagian daripada Universiti Malaya telah mula dicadangkan dalam tahun 1975. Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, iaitu Tun Abdul Razak bin Dato' Husin, telah bersetuju pada dasarnya menerima rancangan tersebut. Hasil daripada persetujuan itu beberapa rundingan telah dilakukan di antara pihak Yayasan, Univesiti Malaya, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kelantan.⁴

Setelah persetujuan dicapai, Universiti Malaya telah mengambilalih Yayasan tersebut dan menjadikannya sebagai kampus cawangan Universiti Malaya di Kelantan dengan diberi nama Akademi Islam Univesiti Malaya.

¹M.A. Rauf, *op.cit.*, hal. 5.

²Pensyarah-pensyarah awal yang menggerakkan kelancaran pengajaran di Jabatan ini ialah Dr. M. Abdul Rauf, Dr. Shah Abul Hassan, Ismail Nawab, Dr. Abdul Majeed M. Mackeen dan Syed. M. Hussein Jaffri. Mereka telah berjuang untuk membina dan memajukan Jabatan ini sehingga berjaya dan berkembang seperti yang ada sekarang. Lihat M.A. Rauf, *op.cit.*, hal. 5. Mulai tahun 1971, Jabatan ini telah berpisah dengan Kolej Islam Malaya dan telah bersatu di bawah Universiti Malaya sepenuhnya.

³Untuk keterangan lanjut lihat Abdullah Alwi Haji Hassan, *op.cit.*, hal. 213-17; *Buku Panduan Akademi Islam Universiti Malaya, Tahun Akademik 1990/91*, (Kuala Lumpur: Akademi Islam Universiti Malaya), hal. 1.

⁴Abdullah Alwi Haji Hassan, *op.cit.*, hal. 214-15.

Akademi Islam ini telah dirasmikan penubuhannya oleh Yang Berhormat Datuk Musa Hitam, Menteri pelajaran pada masa itu, pada 1hb. April 1981.¹

Semua kakitangan, sebahagian pelajar-pelajar Yayasan dan buku-buku di Perpustakaan Yayasan Nilam Puri telah diambilalih oleh Universiti Malaya.

Semua kemudahan, termasuk Bangunan di kampus Yayasan di Nilam Puri dan lain-lain digunakan oleh Universiti Malaya dalam masa peralihan, sementara kampus baru Akademi Islam siap dibina di Bachok, Kelantan.²

Perancangan pengambilalihan Yayasan tersebut untuk dijadikan sebahagian daripada Universiti Malaya telah mula dicadangkan dalam tahun 1975. Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, iaitu Tun Abdul Razak bin Dato' Husin, telah bersetuju pada dasarnya menerima rancangan tersebut. Hasil daripada persetujuan itu beberapa rundingan telah dilakukan di antara pihak Yayasan, Universiti Malaya, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kelantan.³

2. Tujuan Pendidikan Di Akademi Islam

Antara tujuan Akademi Islam ditubuhkan ialah:

- i. Memberi peluang kepada pelajar yang berminat mendapat pelajaran lanjut dalam bidang pengajian Islam.
- ii. Melengkapkan siswazah Akademi ini bagi membolehkan mereka menyebarkan Islam kepada orang ramai. Untuk tujuan ini, Akademi Islam bersedia memberi pelajaran dalam bidang pendidikan, undang-undang, ekonomi, pentadbiran dan lain-lain, selain daripada mata pelajaran-mata pelajaran agama Islam.
- iii. Mengeluarkan siswazah berpengetahuan dan berjiwa Islam.
- iv. Menggalakkan usaha penyelidikan mengenai semua bidang penga-

¹Buku Panduan Akademi Islam, Univesiti Malaya (Tahun Akademik 1989/90) (Kuala Lumpur: Akademi Islam Universiti Malaya), hal. 1.

²*Ibid.*, hal. 1; *Buku Panduan Akademi Islam, Universiti Malaya (Tahun Akademik 1982/83)* (Kuala Lumpur: Akademi Islam Universiti Malaya), hal. 2.

³Abdullah Alwi Haji Hassan. *op.cit.*, hal. 214-15.

jian Islam.¹

3. Kursus Yang ditawarkan

Akademi Islam telah mula menawarkan kursus-kursus berikut dalam sesi 1981/1982 yang bermula pada bulan Jun 1981:

- i. Pra-Akademi Islam (Kursus Persediaan)
- ii. Sarjana Muda Syariah; dalam
- iii. Sarjana Muda Usuluddin.

Bermula pada sesi 1982/1983, satu kursus baru pula telah ditawarkan iaitu Sarjana Muda Pendidikan Islam. Kursus ini ditawarkan dengan kerjasama Fakulti Pendidikan, Pusat Bahasa dan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Akademi Islam juga telah menawarkan kursus-kursus ijazah tinggi, iaitu kursus Sarjana dan Doktor Falsafah mulai sesi 1982/83, di dalam bidang-bidang:

- i. Syariah; dan
- ii. Usuluddin/Pemikiran Islam²

Kursus-kursus ijazah lanjutan ini ditawarkan dengan cara penulisan disertasi/tesis dan setakat ini seramai dua orang penuntut telah berjaya mendapat ijazah Sarjana Syariah.³

4. Tempoh Pengajian

Jangka masa pengajian bagi kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:

¹*Buku Panduan Akademi Islam, Universiti Malaya Tahun Akademik 1989/1990*, (Kuala Lumpur: Akademi Islam Universiti Malaya) hal. 1-2.

²*Ibid.*, hal; 2.

³Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid (Bekas Dekan Syariah), temubual: 2 Mei 1990.

Kursus	Jangka masa Pengajian
Pra-Akademi akademik)	dua atau satu tahun
Sarjana Muda Syariah, Usuluddin & Pendidikan Islam)	empat tahun akademik
Sarjana Syariah dan Usuluddin)	dua tahun akademik bagi calon sepenuh masa/tiga tahun akademik bagi calon sambilan
Doktor Falsafah Syariah & Usuluddin)	enam semester bagi calon sepenuh masa atau sambilan semester bagi calon sambilan

IV. Pendidikan Islam di Fakulti Sastera Dan Sains Sosial

Selain daripada Jabatan Pengajian Islam di Fakulti ini, ada juga beberapa jabatan di bawahnya yang menawarkan beberapa matapelajaran pilihan yang mempunyai hubungan dengan pengajian Islam kepada penuntut-penuntut di Fakulti tersebut. Antara jabatan yang menawarkan kursus-kursus yang mempunyai hubungan dengan pengajian Islam ialah:

1. Jabatan Pengajian Melayu

Tidaklah dapat dilakukan bahawa setiap pengkaji bahasa-bahasa Islam, selain daripada Bahasa Arab, hendaklah mempelajari dan mengetahui beberapa aspek daripada pengajian Islam dan Bahasa Arab. Tetapi pra-syarat terpenting ini sudah dilupakan. Di Jabatan Pengajian Melayu hanya beberapa matapelajaran sahaja yang khusus membincangkan beberapa aspek daripada pengajian dan Kesusasteraan Islam, selain dari apa yang disentuh secara tidak langsung di dalam beberapa matapelajaran yang ditawarkan di Jabatan itu. Antara kursus yang secara langsung menyentuh mengenai Islam ialah *Kursus Kesusasteraan Islam (Melayu) (AH320)* untuk Tahun Ketiga. Di dalam kursus in dibincangkan sastera Melayu (Islam) yang digolongkan ke dalam *Sastera Kitab*. Perbincangan adalah merangkumi bidang *tasawwuf*, *fiqh* dan *Usuluddin* (Pemikiran). Tumpuan juga diberikan kepada perkembangan sastera Islam dan beberapa tokoh-tokoh dan karya mereka di Aceh pada abad ke 17 dan ke 18 dan tokoh-

tokoh di Banjar, Patani dan Riau.¹

2. Jabatan Antropologi Dan Sosiologi

Antara kursus-kursus di Jabatan ini yang membincangkan secara khusus berhubung pengajian Islam ialah kursus *Masyarakat Islam* (A1220) untuk Tahun Kedua. Kursus ini membincangkan mengenai proses sosial secara *large-scale* mempengaruhi gaya hidup, sikap anggota masyarakat di dunia Islam masakini.² Satu lagi kursus yang membincangkan beberapa aspek Sosiologi dan Islam ialah kursus *Sosiologi Dari Perspektif Islam* (AL330) untuk Tahun Ketiga.

Kursus ini meneliti beberapa aspek dari konsep Sosiologi mengikut pandangan Islam, yang menyentuh tentang manusia dan masyarakat, proses prantara (institusi) organisasi di dalam Islam dan pengkajian pemikiran tokoh-tokoh Sosiologi Islam.³

3. Jabatan Sejarah

Jabatan ini juga menawarkan beberapa kursus yang ada hubungkait dengan pengajian Islam. Kursus-kursus itu ialah *Sejarah Timur Tengah Sehingga Tahun 1919* (AE290) untuk Tahun Kedua. Kursus ini membincangkan pembentukan dan perkembangan Empayar `Uthmaniyyah pada abad ke 14, peranan ulamak dalam politik Iran, sejarah Mesir pada abad ke 18 dan ke 19, kebangkitan gerakan nasionalisme Arab dan gerakan kebangunan Islam (*Islamic Revivalism*) di Timur Tengah pada abad ke 18 dan ke 19.⁴ Satu lagi kursus yang ada hubungan dengan pengajian Islam ialah *Sejarah Masyarakat Islam di Malaysia, 1400-1960* (AE294) untuk Tahun Kedua. Kursus ini membicarakan perkembangan pemikiran, institusi dan pergerakan Islam yang telah mempengaruhi penerusan dan perubahan dalam masyarakat di negeri-negeri Melayu.⁵ Kursus yang ketiga yang mempunyai hubungkait dengan sejarah masyarakat

¹ *Buku Panduan, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya (Rangka Kursus Tahun I, II, III), sesi 1990/91*, hal. 14-15.

² *Buku Panduan Jabatan Antropologi Dan Sosiologi, Universiti Malaya sesi 1990/1991*, hal. 32.

³ *Ibid.*, hal. 63.

⁴ *Sukatan Pelajaran Jabatan Sejarah (Tahun Kedua)*, Universiti Malaya, sesi 1990/1991, hal. 27.

⁵ *Ibid.*, hal. 30.

Islam moden ialah kursus *Kemunculan Negara Baru Dan Konflik Timur Tengah Abad Ke 20* (AE382) untuk Tahun Ketiga. Kursus ini membincangkan tentang perkembangan sekularisme di Turkey. Dinasti Pahlavi dan Revolusi Islam Iran 1979, peranan Pati Wafd dalam arena politik di Mesir, masalah Palestin dan lain-lain lagi.¹

V. Fakulti Pendidikan Dan Pendidikan Islam

Fakulti Pendidikan, seperti beberapa Fakulti lain di Universiti ini juga telah menyediakan beberapa kursus yang berhubung dengan pendidikan Islam sejak tahun 1981. Kursus Pendidikan Islam ini ditawarkan di dalam beberapa peringkat, iaitu:

1. Diploma Pendidikan

Program Diploma Pendidikan telah dimulakan sejak tahun 1963 lagi iaitu pada masa yang sama dengan pembukaan "*School of Education*" sebelum ianya mendapat taraf "Fakulti" pada tahun 1965.²

Di dalam kursus Diploma Pendidikan di Fakulti ini, ada beberapa kursus yang ada hubungan dengan pendidikan Islam ditawarkan. Kursus-kursus itu ialah, *Falsafah Pendidikan Islam* (PA934) yang membincangkan mengenai konsep pendidikan Islam dan falsafah kurikulum dalam pendidikan Islam. Kursus kedua ialah *Falsafah Akhlak Dalam Pendidikan Islam* (PA937). Kursus ini menghuraikan pengertian akhlak, jenis dan ukuran penilaian akhlak dan prinsip-prinsip falsafah akhlak dalam Islam. Kedua-kedua kursus ini adalah matapelajaran pilihan.³ Antara kursus kaedah pula yang ada kaitan dengan pendidikan Islam ialah *Kursus Kaedah Pengajian Islam* (PS914). Kursus ini memperkenalkan konsep dan tujuan pendidikan Islam secara am dan isu serta masalah di Malaysia secara khas. Ia juga membincangkan kaedah mengajar matapelajaran agama Islam di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Kursus ini juga membuat penelitian terhadap teori pendidikan; konsep dan matlamat pendidikan Islam; sejarah perkembangan pendidikan Islam; kurikulum; metodologi pengajaran dan lain-lain. Di dalam kursus ini, penilaian permarkahan juga berdasarkan kepada projek, tugas, latihan pengajaran mikro dan peper-

¹*Sukatan Pelajaran Jabatan Sejarah (Tahun Ketiga)*, Universiti Malaya, sesi 1990/1991, hal. 3-31.

²*Buku Panduan Diploma Pendidikan, Fakulti Pendidikan*, Universiti Malaya, sesi 1990/1991, hal. 1.

³*Ibid*, hal. 44.

iksaan.¹

2. Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua)

Kursus empat tahun ini mula diperkenalkan pada tahun 1989, dengan kerjasama Pusat Bahasa dan Fakulti Sastera dan Sains Sosial² Di dalam kursus Sarjana Muda ini tidak ada matapelajaran pendidikan Islam secara khusus yang ditawarkan. Kursus-kursus yang ditawarkan ialah kursus-kursus moral dan agama secara umum sahaja, seperti kursus-kursus *Falsafah Pendidikan Moral; Perkembangan Moral Kanak-kanak* (PT127) untuk Tahun Pertama,³ dan untuk Tahun Kedua pula ditawarkan kursus *Pendidikan Moral Dan Agama* (PT208). Kursus ini membincangkan tentang nilai hidup manusia yang boleh melahirkan semangat bersepadu dan bertoleransi. Antara tajuk-tajuk yang dibincangkan dalam kursus ini ialah dasar pengajaran agama, sejarah perkembangan agama di dunia, riwayat para nabi, guru-guru agama dan nilai-nilai moral universal.⁴ Satu lagi kursus moral yang ditawarkan di dalam Tahun Kedua ialah *Peranan Sekolah Dan Masyarakat Dalam Pendidikan Moral* (PT266). Kursus ini bertujuan supaya guru-guru pelatih menyedari dan memahami fungsi sekolah dan masyarakat yang boleh memainkan peranan dalam pendidikan moral di Malaysia yang berbilang budaya.⁵ Selain daripada kursus-kursus tersebut kursus *Kurikulum Pendidikan Moral Sekolah Menengah* (PT227) juga ditawarkan. Kursus ini mengandungi penilaian terhadap konsep, matlamat dan objektif pendidikan moral di Sekolah Menengah.⁶

3. Kursus Sarjana Dan Doktor Falsafah Pendidikan

Pada tahun 1965, apabila "*School of Education*" dinaikkan ke taraf "Fakulti" program siswazah Lanjutan Sarjana Muda Pendidikan telah diperkenalkan. Pada tahun 1967 program ini ditukar kepada program Sarjana Pendidikan

¹*Buku Panduan Diploma Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, sesi 1990/1991, hal. 65.*

²*Buku Panduan Sarjana Muda Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, sesi 1990/1991, hal. 10.*

³*Ibid.*, hal 58-59.

⁴*Ibid.*, hal. 69.

⁵*Ibid.*

⁶*Ibid.*

kan sebagai perkembangan selanjutnya. Pada tahun 1968, program Doktor Falsafah dalam pendidikan pula diperkenalkan.¹

Untuk Sarjana Pendidikan, dua program ditawarkan, iaitu program A (kerjakursus dan Disertasi) dan program B (Kerjakursus dan praktikum). Tiap-tiap program mengandungi bahagian, iaitu Bahagian I mengandungi penyelidikan yang menghasilkan Disertasi di bawah Program A dan Laporan Praktikum di bawah Program B. Dalam Bahagian I, semua calon diwajibkan mengambil dua kursus wajib, iaitu satu kursus yang berhubung dengan Statistik Asas untuk penyelidikan dan satu kursus berkaitan dengan pengenalan kepada penyelidikan dalam pendidikan. Semua calon juga dikehendaki mengambil sekurang-kurangnya empat kursus pilihan yang berkaitan dengan pengkhususan bagi Program A atau sepuluh kursus lain yang berhubung dengan Program B atas nasihat Jabatan.² Program ini mengambil masa selama tiga semester untuk calon sepenuh masa dan empat semester bagi calon separuh masa.³ Mata-mata pelajaran yang ada hubungan dengan moral dan agama yang ditawarkan oleh Fakulti ini di dalam kursus Sarjana Pendidikan ialah kursus *Isu-isu Dalam Pendidikan Moral* (PA510) dan *Pendidikan Moral Dan Sistem Persekolahan* (PA512). Kursus-kursus ini ditawarkan oleh Jabatan Asas Sosial Dalam Pendidikan, Fakulti Pendidikan.⁴ Antara kursus wajib untuk kursus Sarjana ialah matapelajaran *Falsafah Dan Sejarah Pendidikan Islam* (PS504), yang ditawarkan oleh Jabatan Pendidikan Sains Sosial. Kursus ini membincangkan prinsip-prinsip falsafah pendidikan Islam, perbandingan antara sejarah perkembangan pendidikan Islam secara am dengan sejarah perkembangan pendidikan Islam di Malaysia.⁵

4. Doktor Falsafah Pendidikan

Sejak Fakulti Pendidikan ditubuhkan pada tahun 1963, tidak ada seorang calon yang telah mendapat ijazah Doktor Falsafah (Ph.D.) di dalam mana-mana bidang yang berhubung dengan pendidikan Islam, secara teori dan praktikal.

¹*Buku Panduan Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya* sesi 1990/1991, hal. 1.

²*Ibid.*, hal. 31.

³*Ibid.*, hal. 14.

⁴*Ibid.*, hal. 56, 61 dan 62.

⁵*Ibid.*, hal. 112 dan 113-114.

VI. Fakulti Undang-Undang Dan Pendidikan Islam

Di Fakulti Undang-undang ada dua matapelajaran undang-undang Islam sahaja ditawarkan. Mata-mata pelajaran itu ialah *Undang-undang Islam I* (LJ309). Kedua-duanya ditawarkan untuk penuntut-penuntut Tahun Ketiga. *Undang-undang Islam I* (LJ309) membincangkan mengenai prinsip-prinsip undang-undang dan sejarah perkembangan undang-undang Islam dari peringkat permulaan hingga ke hari ini. Matapelajaran ini menumpukan perbincangan tentang Undang-undang Keluarga Islam secara am dan juga Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia secara khas. *Undang-undang Islam II* (LJ319) pula membincangkan undang-undang keterangan dan jenayah Islam.¹

VII. Fakulti Sains Dan Pendidikan Islam

Tidak ada matapelajaran Islam yang khusus ditawarkan di Fakulti ini sebelum diperkenalkan kursus Sejarah dan Falsafah Sains. Pada tahun 1975, Prof. Ungku Aziz, Naib Canselor, telah mengasaskan kursus *Sains Komplimentari*, yang membincangkan berkenaan dengan pengajian perbandingan falsafah sains. Sebagai perkembangan selanjutnya pada tahun 1977, matapelajaran *Sejarah dan Falsafah Sains* diperkenalkan.² Kursus ini membincangkan sejarah pemikiran kritikal dan falsafah sains, dari zaman tamadun Yunani atau greek sehingga sekarang. Pengajian falsafah sains yang ada hubungan secara khusus dengan falsafah sains Islam diajar dalam tahun Kedua, yang dikenali sebagai kursus *Sejarah Dan Falsafah Sains II* (SF203/271) (2 unit). Ianya membincangkan sains dalam tamadun Islam dan sumbangan dan pengaruh mereka terhadap kelahiran sains moden di Eropah.³

VIII. Fakulti Ekonomi Dan Pentadbiran Dan Pendidikan Islam

Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran juga tidak ketinggalan menawarkan beberapa matapelajaran yang ada hubungan dengan pengajian dan pendidikan Islam. Untuk tujuan pendidikan ekonomi Islam ini, Bahagian Ekonomi Analisis menawarkan kursus *Prinsip-prinsip Ekonomi Islam* (EE216) bagi pelajar Tahun Kedua. Matapelajaran untuk Sarjana Muda Ekonomi ini membincangkan tentang asas Falsafah Ekonomi Islam, sumber-sumber peraturan ekonomi Islam, penggunaan, pengeluaran, pengagihan pendapatan dan harta, dan sistem

¹ *Buku Panduan, Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, sesi 1990/1991, hal. 30-31.*

² *Prof. Madya Osman Abu Bakar (Timbalan Dekan Fakulti Sains); temubual: 26hb. Julai, 1990.*

³ *Buku Panduan, Fakulti Sains, Universiti Malaya, sesi 1990/1991, hal. 103.*

kewangan awam Islam.¹

Bahagian yang sama juga menawarkan satu lagi matapelajaran ekonomi Islam iaitu kursus *Analisis Ekonomi Islam* (EE16) untuk Tahun Ketiga. Kursus ini menjelaskan konsep-konsep asas ekonomi Islam dan menghubungkan dengan konsep-konsep dan istilah ekonomi Islam, struktur pasaran dan perniagaan Islam, jaminan ekonomi, perancangan dan pembangunan Islam, Bank Islam dan lain-lain.² Kedua-kedua matapelajaran ini ditawarkan juga kepada pelajar-pelajar yang mengambil dua matapelajaran, iaitu untuk kursus Sarjana Muda Sastera dan Sains Sosial (Ekonomi), di Fakulti Sastera dan Sains Sosial.³ Dua kursus ini juga ditawarkan kepada pelajar-pelajar Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial sebagai unit Tunggal.⁴

IX. Kursus Tamadun Islam

Rancangan kursus Tamadun Islam di Universiti Malaya bermula pada sesi pengajian 1985/86. Kursus ini berasaskan secara sukarela untuk pelajar-pelajar Islam dan bukan Islam yang baru memulakan pengajian pertama mereka bagi mengikuti kursus Ijazah Pertama di semua Fakulti.

Antara matlamat kursus ini ialah:

1. Bertujuan memberi kefahaman setiap pelajar yang mengikutinya mengenai Islam dan sumbangan Islam kepada Tamadun dunia; dan
2. Bertujuan untuk menekankan pengajian Tamadun Islam disampaikan secara ilmiah.⁵

Dasar Rancangan Kursus Tamadun Islam

Antara dasar Rancangan ini ialah:

¹*Buku Panduan Pelajar, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, sesi 1990/1991*, hal. 84 dan 88.

²*Ibid.*, hal. 96-97.

³*Ibid.*, hal. 233 dan 236; dan *Buku Panduan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, sesi 1990/1991*, hal. 27 dan 29.

⁴*Buku Panduan Pelajar, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, sesi 1990/1991*, hal. 239-242.

⁵*Buku Panduan, Kursus Tamadun Islam, Universiti Malaya, Disember 1984*, hal. VI.

1. Kursus ini dijalankan untuk dua tahun pengajian, yang mengandungi enam puluh jam kuliah dan beberapa jam tutorial yang ditetapkan (termasuk perbincangan, praktikal dan lawatan).
2. Sijil Kehadiran akan dikeluarkan kepada pelajar yang kehadiran mereka tidak kurang daripada lapan puluh peratus dari keseluruhan jumlah kehadiran kuliah dan tutorial. Universiti Malaya juga mengeluarkan Sijil Lulus Kursus Tamadun Islam kepada pelajar-pelajar yang lulus dalam peperiksaan kursus ini.
3. Setiap kumpulan pelajar adalah antara lima puluh hingga tujuh puluh orang.
4. Masa kuliah ialah antara pukul 4.00 hingga 7.00 petang.
5. Pengetahuan bahasa-bahasa Arab dan Parsi atau tulisan jawi tidak diperlukan untuk mengikuti kursus ini.
6. Urusan pentadbiran Rancangan Kursus ini diletakkan di bawah kelolaan Canselori dan seorang kakitangan akademik di lantik sebagai Pengelola kursus ini.¹

Bahan-bahan bacaan kursus ini, selain daripada buku-buku yang dicadangkan oleh pihak Pengelola Kursus ini,² pensyarah-pensyarah kursus-kursus ini juga menulis beberapa buku teks untuk dijadikan bahan bacaan dan rujukan.

Rancangan Kursus Tamadun Islam ini telah dihentikan setelah Prof. Ungku Aziz bersara daripada memegang jawatan Naib Canselor Universiti Malaya pada awal tahun 1988. Rancangan ini kemudiannya dibubarkan. Pengelola dan pensyarah-pensyarahnya diserapkan ke dalam Akademi Islam, Universiti Malaya.

Mulai tahun 1989, Naib Canselor, Dr. Syed Hussein al-Attas, telah memindahkan pengendalian kursus Tamadun Islam ke Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Pada tahun tersebut kursus Tamadun Islam (Aw200) ditawarkan kepada pelajar-pelajar Tahun Kedua di Fakulti ini sebagai matapelajaran pilihan. Di dalam kursus ini dibincangkan beberapa aspek pengasasan dan penyaluran nilai-nilai tamadun, sama ada dari sudut keimanan, kemasyarakatan, undang-un-

¹*Ibid.*, hal. VI-VII.

²Lihat kursus Tamadun Islam Universiti Malaya, *Islam dan Masyarakat*, suntingan Sidik bin Hj. Baba (Kuala Lumpur).

dang, ekonomi, akhlak, hubungan antarabangsa, keilmuan dan lain-lain lagi.

X. Kesimpulan

Setelah dilihat ringkasan sejarah perkembangan pendidikan Islam yang diajar di Universiti Malaya, dapatlah dirumuskan bahawa Universiti ini tidak ketinggalan jauh, kalau pun tidak dapat menyaingi pusat-pusat pengajian Tinggi di Malaysia yang lain, di dalam menyumbangkan pendidikan Islam kepada pelajar-pelajarnya. Usaha-usaha untuk memperkembangkan lagi pendidikan Islam di Universiti ini sentiasa dijalankan oleh pensyarah-pensyarah ataupun pihak pentadbiran Universiti ini dari semasa ke semasa walaupun terpaksa menghadapi beberapa rintangan, seperti tentangan dari pihak-pihak yang tidak menyenangi atau peruntukan kewangan yang tidak mencukupi.

Universiti ini tetap bersama dengan pusat-pusat pengajian Tinggi di Malaysia yang lain di dalam menyahut cabaran perkembangan Islam samasa, dengan menyediakan pendidikan Islam secukupnya walaupun pada dasarnya Universiti ini ditubuhkan bukan berasaskan sebagai sebuah Universiti Islam. Selain daripada pendidikan Islam di Jabatan Pengajian Islam dan Akademi Islam, semua perancangan pengislaman ilmu ini adalah hanya berlaku setelah lahirnya beberapa orang ahli akademik muda yang bersemangat dan tergolong di dalam kumpulan *Islamists* dan *Muslim activists* yang mempunyai keperihatian terhadap perkembangan kebersepaduan pendidikan Islam dan kebimbangan mereka terhadap kukuh dasar sekularisme di dalam setiap matapelajaran dengan kurikulum yang ditawarkan di setiap jabatan dan Fakulti di Universiti ini, sebagaimana yang telah diperkenalkan pada zaman penjajahan oleh penjajah British dahulu. Mereka ini ingin unsur-unsur pendidikan dan pengajian Islam diterapkan ke dalam setiap ilmu yang diajarkan di Universiti ini. Mereka berusaha melakukan penerokaan sedemikian ialah sebagai menyagut inisiatif pengislaman ilmu, *Islamization of knowledge*, yang merupakan salah satu seruan dakwah popular *Ummah Islamiyyah* sejagat terkini. Semoga usaha-usaha awalan ini tetap menjadi satu *keiltazaman dan istiqamah* dan bukan pula menjadi suatu akhiran. Usaha-usaha ini dilakukan ialah sebagai satu persediaan bagi menghadapi tahun dua ribu dan abad kedua puluh satu nanti, yang lebih mencabar kepada setiap para akademikus untuk menyusun langkah bagi berjauang sehingga mencapai matlamat pendidikan berbentuk kesepaduan ilmu, antara keagamaan dan keduniaan profesionalisme di dalam bidang sains dan teknologi

Wa Ilahu a`lamu bis-sawab.